

Pengguna siber perlu elak sebar maklumat palsu

Teknologi komunikasi dan kebolehcapaian internet memungkinkan Malaysia memiliki jutaan pengguna siber dan angka itu dijangka terus meningkat pada masa akan datang yang tentu menyumbang kepada transaksi maklumat secara pesat.

Kehadiran pelbagai media sosial dan aplikasi penghantaran mesej yang mula mendapat tempat dalam kalangan rakyat kita juga turut memberi perubahan kepada kaedah penerimaan dan penyebaran maklumat.

Bagaimanapun, fungsi yang se-

patutnya memberikan kelebihan itu kerap disalahgunakan melalui penyebaran maklumat yang tidak sah dan tidak berfaedah.

Etika sebar maklumat

Ini termasuk dalam isu kehilangan pesawat MH370, tragedi MH17 dan banjir di Pantai Timur, tahun lalu. Begitu juga dengan pelbagai sindiran dan kutukan dalam isu Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST). Jadi, pengguna tidak kira siapa dan di mana perlu ada etika menyebarkan maklumat melalui media sosial dan

aplikasi penghantaran mesej.

Pengguna media sosial dan aplikasi penghantaran mesej perlu memastikan kesahihan sesuatu maklumat itu sebelum disebarluaskan kepada pengikut dan kenalan. Kesahihan maklumat boleh dilakukan dengan mendapatkan pengesahan pihak berkuasa, menghubungi sumber berita, menunggu kenyataan rasmi dan menyemak laman web rasmi berkaitan.

Kedua, tanya pandangan pakar. Sempena kehadiran Rejab pada 20 April lalu, ada mesej melalui WhatsApp dan Facebook mengenai fadilat atau ganjaran berpuasa sunat pada bulan itu.

Penulis turut menerima mesej yang memberitahu bahawa mesej awal tadi adalah berdasarkan hadis palsu dan haram menye-

barkannya. Ini tentu mengelirukan. Justeru, adalah lebih baik merujuk kepada ulama, pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) atau ahli agama supaya akidah kita terpelihara.

Ketepi maklumat berantai

Seterusnya, kita perlu ketepikan maklumat berantai. Contohnya, ‘Sebar kepada 10 teman untuk terus mendapat langganan WhatsApp percuma’ dan ‘Sebar kepada 10 kenalan supaya hari ini menjadi hari bertuah anda atau abaikan mesej ini sekiranya anda mahu ditimpa masalah.’

Penulis baru-baru ini terbaca artikel mengenai seorang wanita berusia yang didakwa menipu tiga pelajar di KL Sentral. Wanita itu didakwa meminjam RM100 daripada pelajar itu kerana tidak

dapat mengeluarkan wang melalui ATM. Persoalannya, sejauh manakah kebenaran cerita itu kerana ia luahan pendapat sebelah pihak sahaja dan kenapa artikel dan gambar wanita itu perlu disebarluaskan dan dijadikan viral dalam media sosial. Fikirkan mengenai kebenaran kisah itu dan jangan terlalu mempercayai semua maklumat yang kita baca di internet.

Selain itu, apabila kita berada dalam kumpulan rakan sembang, kita perlu ambil kira perasaan semua ahli kumpulan. Jangan hanya kerana ingin tunjuk kehebatan mendapat maklumat hingga mengabaikan keharmonian dalam kumpulan.

Muhammad Zafri,
Universiti Putra Malaysia